

18/09/1999

Negara membangun perlu kerajaan kukuh: PM

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara perlu terus diterajui kerajaan Barisan Nasional (BN) yang kuat bagi melindunginya daripada kemungkinan dijajah semula selain menghadapi pelbagai cabaran.

Sambil menegaskan bahawa negara membangun seperti Malaysia memerlukan kerajaan yang kukuh, Perdana Menteri berkata kemenangan dua pertiga penting bagi membolehkannya meneruskan rancangan pembangunan jangka panjang yang digariskan untuk rakyat.

Menurutnya, kemenangan majoriti dua pertiga yang diperlukan BN bukan semata-mata bertujuan membolehkannya meminda perlembagaan sesuka hati seperti didakwa pembangkang.

"Kerajaan kukuh diperlukan bagi membolehkannya menangani masalah serta cabaran pada alaf baru.

"Jika kita punya kerajaan yang lemah, percayalah negara kita akan dijajah semula," katanya berucap pada majlis jamuan bersama pemimpin masyarakat di sebuah hotel, di sini malam ini.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sabah berkata, kerajaan BN sekarang perlu dikekalkan kerana masih banyak rancangan belum selesai.

Menurutnya, kerajaan BN tidak menyediakan rancangan untuk satu dua tahun, tetapi menggariskan rancangan 10 tahun, 20 tahun, bahkan rancangan 30 tahun iaitu Wawasan 2020 yang diisytiharkan pada 1991.

Beliau berkata parti yang boleh menyelesaikan wawasan itu hanyalah BN dan tiada parti lain boleh melaksanakannya.

Perdana Menteri berkata BN menjanjikan sesuatu kepada rakyat perkara yang boleh dilaksanakan dan tidak kepada perkara yang mustahil dilaksanakan.

"Ini berbeza dengan pembangkang yang membuat pelbagai janji yang tidak masuk akal. Semua itu dibuat kerana mereka (pembangkang) tahu mereka tidak boleh menang," katanya.

Sehubungan itu, beliau mahu pemimpin BN bekerja keras untuk menentukan segala janji yang dibuat itu dapat ditunaikan.

Katanya, pemimpin BN tidak dibenar lupa kepada rakyat yang memilih mereka, justeru, mereka perlu kerap melakukan lawatan untuk menemui rakyat dan memahami masalah mereka.

Ini, katanya, penting kerana tarikh pilihan raya hanya akan ditentukan oleh kerajaan BN apabila ia sudah bersiap sedia serta diyakini mencapai kemenangan.

Dr Mahathir turut mengkritik pembangkang yang berfikiran cetek dan membuat kenyataan tidak masuk akal sehingga dikatakan mahu menggadaikan Putrajaya semata-mata untuk menyediakan biasiswa.

Katanya, barisan alternatif yang cuba diwujudkan pembangkang tidak mungkin diterima rakyat kerana semuanya mempunyai agenda dan tujuan berlainan, tidak ada objektif sama seperti BN.

Beliau yakin rakyat Sabah yang memilih BN dalam pilihan raya negeri lalu akan memastikan kerajaan BN terus berkuasa selepas pilihan raya umum akan datang.

(END)